



SUARA VETERAN

Ogos 2009 • UNTUK AHLI-AHLI SAHAJA



Selamat Bermesyuarat,
Selamat Berpuasa,
Selamat Hari Raya

LANGKAH KEDEPAN

Di tangan anda ialah satu cebisan sejarah. Anda sedang memegang SUARA VETERAN pertama yang dicetak dalam warna. Tahniah kepada Sdr. Chin kerana berjaya mendapatkan penaja.

Mampukah kita mengulanginya bagi keluaran seterusnya? Kita amat berharap SUARA VETERAN keluaran berikut akan lebih baik daripada keluaran ini.

Kali ini kita tidak dapat memuatkan banyak rencana. Kita perlukan banyak lagi rencana-rencana yang setaraf dengan rencana sumbangan Penasihat kita, Dato' Abdullah Mohamad (lihat muka surat 3). Oleh itu, ayuhlah. Ini buletin milik anda. Jadikannya terbaik dengan memberi sumbangan terbaik anda.

Selamat membaca dan selamat bermesyuarat. Kepada rakan-rakan yang beragama Islam, Selamat Menyambut Ramadhan dan seterusnya Selamat Hari Raya Aidilfitri.

Tengku Mohd Ali Bustaman
kustamang@gmail.com

DI DALAM

Perutusan Menteri Penerangan, Komunikasi & Kebudayaan	2
Dari Meja Pengerusi Biro Penerbitan & Perhubungan	2
Nostalgia: Potong Kepala!	3
Dari Album Kita	4

Diterbitkan oleh Biro Penerbitan & Perhubungan PVRTM

Editor: Chin Then Soong

Suntingan Akhir & Rekabentuk/RekaLetak: Tengku Mohd Ali Bustaman

Tajaan & Cetakan

AVANCO PRINTING WORKS

223 Kepong Industrial Park, KL

Perutusan



Menteri Penerangan, Komunikasi & Kebudayaan

Terlebih dahulu, saya mengucapkan tahniah kepada Persatuan Veteran RTM (PVRTM) yang ditubuhkan pada tahun 1995 telah menyambut ulangtahunnya yang ke-14 tahun ini. Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada Buletin Suara PVRTM, Ahli-Ahli Jawatan Kuasa serta semua ahli PVRTM kerana kesetiaan berpanjangan kepada RTM.

Tidak dapat dinafikan bahawa PVRTM memainkan peranan penting sejajar dengan fungsinya menjaga kebajikan para pesara RTM. Mereka pernah mengorbankan usia muda semata-mata untuk berkhidmat ke arah kemajuan dan perkembangan negara yang dicintai. Usaha dan jasa mereka sentiasa dan akan terus dikenang oleh kita semua.

Saya juga difahamkan bahawa PVRTM akan mengadakan pilihan penggal baru dalam bulan Ogos ini. Saya berharap Mesyuarat Agung ini akan dijalankan dengan sempurna dan satu jawatan kuasa baru yang dinamik akan dilantik bagi meneruskan fungsi-fungsi PVRTM tersebut.

Dengan adanya pengalaman mereka, saya yakin ini boleh membantu RTM dalam pelbagai aspek terutamanya bidang penerbitan rancangan, menyumbang idea yang konstruktif untuk memperbaiki mutu siaran dan sebagainya. Pihak RTM juga boleh mewujudkan suatu rancangan khas yang melibatkan Veteran RTM sekali setiap tahun. Sudah tentu ini merupakan suatu peluang untuk Veteran RTM meneruskan daya kreatif serta perasaan cinta mereka terhadap RTM.

Negara kita memerlukan tenaga sumber manusia termasuk para pesara. Saya berharap para veteran RTM akan terus memberi sumbangan mereka dari segi pengalaman, pandangan dan inspirasi yang sangat kita hargai demi membina satu masyarakat berkomunikasi serta satu Malaysia yang harmoni dan sejahtera.

Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim

Dari Meja Pengerusi Biro Perhubungan & Penerbitan

Masa itu emas! Akan tetapi masa itu juga tidak menunggu manusia. Hanya manusia menunggu masa. Manusia menunggu masa untuk melakukan sesuatu dengan pelbagai emosi. Ada yang tenang tanpa mengira apa jua hasilnya. Ada yang mengecewakan sebab masa itu tidak mencukupi untuk mencapai cita-citanya. Ada yang berjalan lintang pukang menikmati pemandangan di sana sini. Ada yang masih berikhtiar untuk mencapai impiannya

Saya bersyukur sebab masih boleh bergerak dan mencapai sedikit sebanyak yang tidak disangka.

Sudah genaplah satu tahun lagi umur PVRTM. Kita mempunyai agenda yang tersendiri. Ada yang telah dicapai. dan ada yang kita gagal walaupun kita telah berusaha mencuba. Kita sudah memperluaskan bilangan perjumpaan secara "Breakfast Gathering". Kita sudah sampaikan rasa prihatin kepada kawan-kawan yang selalu bersama kita, dalam cuaca hujan atau cerah. Itulah hidup insan. Lumrah dunia....

Dengan izin, PVRTM dan seterusnya SUARA PVRTM ini akan diteruskan memainkan peranan sejajar dengan nama sebenarnya. Kami mengalu-alukan artikel dari ahli-ahli untuk menjadikan SUARA satu buletin yang betul-betul diminati oleh semua.

Saya ingin mengakhiri ungkapan saya iaitu:

"Bukannya suka, bukannya duka
Yang ditakdirkan untuk kita
Kita hanya ditakdirkan untuk menghadapi
Hari esok dan lusa
Dengan tekad yang teguh
Untuk mencapai sesuatu yang lebih bermakna."
Semoga semua dalam keadaan sihat dan suka hati.



TS Chin
chensong22@gmail.com

POTONG KEPALA!

He arrived sharp at 7.30 P.M. as requested. He came with two other persons, his bodyguard and driver. He was tall, well built, handsome with a unique hair style. His handshake was firm and strong. He was of course Tan Sri Temenggung Jugah Anak Barieng (later Tun), the paramount chief of the Iban from Kapit in Sarawak and the Minister of Sarawak Affairs in the Tengku Abdul Rahman cabinet at the time. He was invited to be the guest of one of the very early TV Malaysia programmes. It was a weekly current affairs programme.

1964 was at a very early stage of Malaysia. We thought it was a good idea to have some one who was very influential and knowledgeable about Sarawak like Tan Sri Jugah to tell the audience in the Peninsular about Sarawak.

I met him in front of the building and led him to the make up room. Make up artist, the late Ramalingam immediately fell under his charm and took time to make him up. Later Rama told me he was in love with the Minister!. In the studio he was introduced to the anchor man Rosdin Yaakob, and to the floor manager the late Tan Mutalib. We briefed him about the programme, the questions and the technicality of the production. Earlier during our production meeting we briefed Rosdin that no sensitive questions such as the bare breasted women, religion and head hunting should be asked.

All programmes in those days were broadcast live and in black & white. There were no recording facilities at the time. Life to a TV producer at the time was exciting, an adventure. A small studio converted from a garage, two first generation EMI cameras with turret lenses. Low lighting grids. Anything could happen. It could be nightmares sometimes.

This programme started after 8 o'clock Malay News and it ran for about 20 minutes. The interview went on very well. He was not nervous, very confident. He knew the subject very well especially about Sarawak and its place in Malaysia. He spoke in a mixed of Standard Malay, Sarawak Malay and "adapted English". Very eloquent speaker considering that he could neither write nor read. Everything went on very well until at the end of the show.

I told Tan Mutalib to indicate to Rosdin to wind up the interview. But Tan Sri went on talking. The CP was screaming that we were running over the next programme. I told Tan to cut him off. I was watching the monitors in the control cubicle. Suddenly I heard him saying : " Tak ada. Itu dulu punya cerita. Sekarang tidak ada potong kepala lagi. Dia orang sudah pergi skul, baca buk. Tak ada, jangan takut", and on and on. There was a shocking silence in the

control cubicle. I was stunned. Heard Normah Kassim (Script Assistant) whispered , " Siapa tanya dia?". Panic started to creep in. However I managed to tell the audio man to cut off his microphone, bring up the closing music, graphics , and "to black". I rushed into the studio but Tan Sri had gone.

What happened? From those in the studio we discovered something very interesting and most unexpected.

When I told Tan Mutalib to give the sign to Rosdin to cut him off, Tan moved closely behind Tan Sri to give the sign. At that very instance he turned his head to look at Tan and saw the sign Tan was giving to Rosdin. Thinking that it was a question he went on with the answer!. The sign of course was a movement of an index finger cutting the throat. TV and film production use a number of hand signs to indicate certain actions instead of voice commands. At the beginning of TV Malaysia, we were all trained by a team of trainers from CBC (Canadian Broadcasting Corporation). We adopted their hand signs too. Of course Canada had no history of head hunting .

After that incident TV Malaysia changed that to using a scissor cut sign . I was very worried not knowing what would be the political backlash from people in Sarawak though the programme at the time was not seen in Sarawak, not many parts of Semenanjung either. We did not really know how sensitive things might be as Malaysia was still in its infancy. The incident was thoroughly discussed by the top guns. Some thought it was very funny



but the Director the late Mr Aw Kheng Law and Head of Programmes Raja Iskandar thought otherwise. It seemed (don't know how far it was true) that Kheng Law told Tengku about it and it seemed Tengku had a good laugh.

P.S. Months later I was at the Merlin Hotel (now Concorde) having lunch with some friends when I saw Tan Sri sitting at the bar drinking by himself. I went to him to apologise about what had happened that night. He remembered the interview but said "Jangan takut, itu bagus" followed by a long lecture that more should be done to explain to each other about ourselves , about Sarawak, Sabah, Semenanjung, Singapore and Malaysia so that we know each other better and so on. He was however interrupted by a PYL (Pretty Young Lady) walking in and hugged him. They chatted quietly in Iban. I excused myself to take leave. He shook my hand and said " Anak, ingat apa Apai cakap tadi" . No, he did not introduce his PYL to me!.

-Dato' Abdullah

abdullahmohamad123@yahoo.co.uk

PERSATUAN TERIMA RM40,000

Mantan Timbalan Presiden PVRTM, Sdr. Zulkifli Amin Noordin baru-baru ini telah menyerahkan cek bernilai Empat puluh ribu ringgit kepada PVRTM sebagai sumbangannya bagi membolehkan persatuan memulakan sesuatu yang mampu memberi peulangan berterusan kepada tabung persatuan.

Sdr. Zul mencadangkan persatuan "take-over" cafe/restoran yang diiklankan dan beliau berjanji menampung kos permulaan sebanyak RM10,000.

Presiden PVRTM menerima cek tersebut bagi pihak persatuan. Turut serta di majlis ringkas itu yang berlangsung di kediaman Sdr. Zul ialah Bendahari Agung, Setiausaha Agung PVRTM dan AJK Ir. Sundiram Pillai.



THE BREAKFAST CLUB

Sebelum 1Malaysia di war-warkan, kawan-kawan veteran kita sudahpun mengamalkan konsepnya bila beberapa orang rakan kita memulakan The Breakfast Club dengan berkumpul sebulan sekali untuk bersarapan.

The Breakfast Club bukan aktiviti rasmi PVRTM dan dibiayai sepenuhnya oleh peserta-peserta yang hadir. Bukan semua yang hadir ahli PVRTM. Walaubagaimanapun PVRTM menyokong sebarang usaha menemukan kawan-kawan lama.

Sesiapa yang berminat untuk menyertai Breakfast Club disarankan menghubungi Hj. Azharuddin Hussien (013 339 2870)



GEMBIRA BERTEMU KEMBALI

Sdra. Alan Zechariah bertemula semula dengan bos lama, Mantan KPP Dato' Jaafar Kamin. Pertemuan berlangsung di aktiviti The Breakfast Club terkini di Restoran Salero Nogori, Amcorp Mall pada 23 Jun 2009.

Perhimpunan kali ini memecahkan rekod dari segi kedatangan. Seramai 36 orang hadir untuk makan tengahari.

Perjumpaan akan datang dirancangan pada Selasa 18 Ogos 2009 di tempat yang sama.

(Gambar-Gambar oleh TMA)

